

16/12/1998

Unjuran pertumbuhan KDNK disemak semula

Kadir Dikoh

BANK Negara Malaysia (Bank Negara) akan menyemak semula unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar negara untuk tempoh sepanjang tahun ini, kata Timbalan Gabernornya, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz (gambar).

"Buat masa ini, saya tidak mahu mengumumkan angka semakan itu," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan ceramah tertutup mengenai perkembangan ekonomi semasa serta dasar berkaitan pada satu jamuan tengah hari anjuran Persekutuan Hartanah Antarabangsa (Fiabci) cawangan Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Ditanya mengenai unjuran Bank Negara terhadap pertumbuhan KDNK itu bagi tahun depan, beliau berkata: "Kita sedang memasuki keadaan pemulihan. Kita menjangka perubahan untuk berlaku."

Kerajaan mengunjurkan KDNK positif menjelang akhir tahun depan.

Dr Zeti diminta mengulas sama ada kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hanoi semalam lebih tinggi daripada apa yang diunjurkan oleh Bank Negara.

Dr Mahathir ketika berucap pada sidang kemuncak Asean berkata ekonomi Malaysia akan terus menguncup lebih jauh iaitu enam peratus atau lebih tahun ini berbanding 1997 daripada yang kerajaan jangkakan sebelum ini.

Unjuran rasmi kerajaan sebelum ini ialah KDNK itu menguncup 4.8 peratus tahun ini.

KDNK menguncup 8.6 peratus dalam suku ketiga tahun ini, tetapi pertumbuhan KDNK bagi tempoh itu memperlihatkan peningkatan 2.3 peratus berbanding suku kedua tahun ini.

Sementara itu, beberapa penganalisis yang dihubungi sependapat unjuran penguncupan enam peratus atau lebih untuk tahun ini adalah realistik kerana keadaan ekonomi semasa yang baru menunjukkan pemulihan.

"Selama ini, saya mengunjurkan penguncupan bagi tahun ini sekitar 6.5 peratus dan menganggap angka negatif 4.8 peratus diunjurkan kerajaan sebelum ini agak terlalu yakin. Namun, angka terbaru diberikan oleh Perdana Menteri itu lebih munasabah," kata penganalisis perbankan di TA Securities, Chie King Ngu.

Penganalisis kanan di Mohaiyani Research Sdn Bhd, Mohamed Amin Abdul Manap pula berkata unjuran terbaru itu tidak mengejutkan kerana ramalan pasaran adalah sekitar enam hingga tujuh peratus penguncupan KDNK bagi tahun ini.

Katanya, penguncupan lebih tinggi daripada unjuran awal 4.8 peratus itu berasaskan pergerakan perlahan pembiayaan oleh bank yang boleh menjejaskan kegiatan ekonomi.

"Berdasarkan hakikat itu, unjuran awal negatif 4.8 peratus sebenarnya bersandar kepada pertumbuhan pinjaman lapan peratus yang agak mustahil untuk mencapainya dalam tempoh terdekat. Sehingga kini, kita melihat pertumbuhan pinjaman oleh bank itu sekitar 3.5 peratus," katanya.

Seorang pakar ekonomi di sebuah bank berkata, unjuran awal negatif 4.8 peratus itu berikutan keyakinan kerajaan ia dapat mencapai pertumbuhan pinjaman lapan peratus tahun ini tetapi cuma sekitar tiga hingga empat peratus berupaya dicapai menjelang akhir tahun.

Beliau berkata, untuk mencapai lapan peratus pertumbuhan itu, sektor perbankan perlu mengeluarkan pembiayaan RM18 bilion pinjaman sebulan pada Oktober dan November tetapi ia sukar dilakukan `kerana pada zaman ekonomi ceria, pertumbuhan pinjaman cuma sekitar RM11 bilion sebulan'.

Penganalisis hartanah di sebuah firma broker saham pula berkata, KDKNK akan mula menampakkan positif menjelang akhir tahun depan selepas kerajaan mengambil pelbagai langkah untuk merangsang kegiatan ekonomi.

Katanya, ini termasuk kempen besar-besaran bagi menggalakkan pemilikan rumah serta kemasukan pembelian asing dalam sektor hartanah yang boleh membantu menggerakkan ekonomi.

(END)